



قجابت مفتي نكري سابه
PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

**KENYATAAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH MENGENAI
AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله
وأصحابه أجمعين

Saya selaku Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah bagi mewakili Ahli Majlis Fatwa Negeri Sabah bersetuju mengambil ketetapan mengenai aktiviti di masjid dan surau seperti berikut:

1. Bilangan ahli jemaah solat jumaat yang dibenarkan di masjid yang terpilih dipertingkatkan jumlah menjadi 40 orang, manakala bilangan ahli jemaah sembahyang lima (5) waktu juga ditambah kepada 12 orang mulai 05 Jun 2020M/13 Syawal 1441H (Jumaat).
2. Bilangan ahli jemaah solat jumaat ini termasuk AJK masjid, Imam dan Khatib.
3. Kebenaran sembahyang berjemaah lima (5) waktu yang terdiri daripada jawatankuasa dan petugas masjid masjid/surau serta orang awam.
4. Pihak berwajib dan Jawatankuasa (AJK) masjid hendaklah menentukan ahli jumaat yang ditetapkan terlebih dahulu bagi mengelakkan kekeliruan dan perselisihan antara ahli jumaat yang berkenaan.
5. Ahli jemaah yang berusia lebih 70 tahun tidak dibenarkan untuk hadir solat Jumaat.
6. Setiap Jemaah hendaklah membuat pengesanan suhu badan setiap orang, pemakaian pelitup muka dan penggunaan pensanitasi tangan (*Hand Sanitizer*) serta merekodkan kehadiran di dalam buku kehadiran.

7. Mereka yang mempunyai gejala sakit seperti demam, batuk dan sebagainya tidak dibenarkan hadir.
8. Mengamalkan penjarakan sosial termasuk semasa solat tidak kurang 1 (satu) meter, mengelakkan bersalaman dan memakai pelitup muka termasuk ketika menunaikan solat.
9. Mereka yang berkenaan hendaklah mengambil langkah keselamatan dan sentiasa mengambil langkah keselamatan mengikut saranan dan garis panduan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berwajib agama di negeri ini.
10. Orang awam masih belum dibenarkan hadir ke masjid dan surau melainkan orang yang telah ditentukan yang diberi kebenaran khas untuk melaksanakan solat Jumaat. Oleh itu diharapkan semua orang awam mematuhi nasihat dan saranan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
11. Kenyataan Mufti Kerajaan Negeri Sabah bertarikh 18 Mei 2020M/26 Ramadan 1441H yang lalu berkaitan kebenaran aktiviti di masjid dan surau dengan ini tertakluk dengan ketetapan baharu ini.
12. Saya mengharap supaya umat Islam bersama-sama terus istiqamah dalam melakukan ketaatan kepada Allah SWT di mana sahaja berada serta mematuhi perintah pihak berwajib bagi menghentikan penularan wabak ini.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit yang buruk."

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Sekian, Wassalam

SS DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAAFAR

Mufti Kerajaan Negeri Sabah merangkap

Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah

02 Jun 2020M/ 10 Syawal 1441H

